

MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL.1/2022
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
(KUSKOP)

Tarikh : **11 April 2022 (Isnin)**
Masa : **2.15 – 4.00 petang**
Tempat : **Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5**
KUSKOP
Kehadiran : **Lampiran A**

Bil	Perkara	Tindakan
1.0	Perutusan Pengerusi	
1.1	YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat MBJ Bil.1/2022.	Makluman
1.2	YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan tahniah kepada Puan Nor Haslinda binti Salihin yang dilantik mewakili pihak pekerja Gred 48 Kementerian seterusnya bertindak sebagai Naib Pengerusi baharu.	Makluman
1.3	YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa MBJ merupakan saluran komunikasi dua hala di antara pihak pengurusan dengan wakil pihak pekerja di jabatan masing-masing. MBJ bertujuan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara pihak pengurusan MEDAC dan wakil pihak pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincangkan dan menyelesaikan isu-isu setempat serta menyumbang idea-idea bernes untuk kepentingan dan kebaikan organisasi.	Makluman
1.4	YBhg. Datuk Pengerusi juga mengucapkan tahniah kepada semua ahli mesyuarat dan urus setia kerana berjaya mengadakan mesyuarat mengikut bilangan yang ditetapkan pada tahun 2021 dan mengadakan mesyuarat pertama pada tahun ini.	Makluman

Bil	Perkara	Tindakan
1.5	<p>YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa:</p> <p>(i) Isu-isu yang berulang seharusnya diselesaikan dengan baik bagi memastikan kebijakan dan kepentingan semua warga dijaga.</p> <p>(ii) Mesyuarat diadakan bertujuan mendapatkan maklumbalas tujuh isu berbangkit pada mesyuarat Bilangan 3/ 2021.</p>	Makluman
2.0	PERUTUSAN NAIB PENGERSI	
2.1	YBrs. Timbalan Pengerusi mengucapkan terima kasih atas pelantikan sebagai Naib Pengerusi dan mewakili pihak pekerja bagi MBJ KUSKOP. YBrs. Timbalan Pengerusi mengharapkan agar segala isu dibincang bersama sehingga mencapai penyelesaian yang dapat mewujudkan keharmonian bekerja seterusnya memastikan kebijakan warga dapat terus dijaga.	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT	
3.1	<p>Isu Pembahagian Lot Parkir</p> <p>BKP memaklumkan bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Agihan lot parkir di Blok E4/5 dipinda daripada persetujuan bersama pada mesyuarat bilangan 1/2021. Ini berikutan terdapat keperluan kuota parkir untuk kenderaan rasmi KUSKOP di bawah seliaan BKP. Selain itu, BKP juga memasukkan senarai pegawai gred 48 sebagai penerima petak parkir memandangkan terdapat keperluan untuk gred tersebut; ii. Petak parkir yang akan dikosongkan oleh Bahagian Bekalan Air (BBA) Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dicadangkan untuk petak parkir terbuka warga KUSKOP; dan 	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>iii. YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP membuat semakan dengan pengurusan KASA mengenai cadangan tarikh baharu BBA KASA akan berpindah keluar daripada bangunan parcel E4/5. Ini berikutan, BKP memaklumkan pada mesyuarat terdahulu bahawa BBA KASA akan berpindah sekitar bulan Januari dan Februari 2022.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
3.2	<p>Kafeteria Kementerian</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum penerangan BKP iaitu:</p> <p><u>Kebersihan Kafeteria</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan (JKWP) melakukan lawatan pemeriksaan tahap kebersihan kawasan kafeteria. Hasil daripada lawatan tersebut, kafeteria diarahkan tutup selama 15 hari setiap satu sebanyak dua kali iaitu pada 11- 25 Januari 2022 dan 7- 21 Februari 2022; ii. Susulan daripada itu, pihak kafeteria berjanji akan memastikan isu ini tidak lagi berulang; dan iii. YBhg. Datuk Pengerusi meminta BKP terus memantau perkara ini supaya tidak berulang. <p><u>Harga Makanan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> iv. Hasil pemantauan yang dilaksanakan masih terdapat kenaikan harga makanan di kafeteria. BKP akan terus membuat peringatan kepada pengusaha kafeteria supaya pengunjung kafeteria tidak terbeban dengan harga makanan yang dibeli. <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara (i) hingga (iv) terus disusuli.</p>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
3.3	<p>Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa:</p> <p>i. Pada 10 Februari 2022, Mesyuarat Agung Tahunan kali pertama dilaksanakan dengan pembentukan AJK baru.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini telah selesai.</p>	BKP
3.4	<p>Rangkaian Internet dan e-mel</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh BPTM bahawa:</p> <p>i. isu sambungan (<i>connectivity</i>) capaian rangkaian internet dan e-mel telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Tadbir Urus ICT bil 1/2022 pada 16 Februari 2022 dan dipengerusikan oleh SUBK(P); dan</p> <p>ii. Pasukan Teknikal BPTM melaksanakan dua fasa tindakan seperti berikut:</p> <p>iii. Fasa tindakan jangka masa pendek</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyemak keseluruhan sistem pengkabelan bilik pegawai gred 54 dan ke atas termasuk semua bilik pegawai mengikut keutamaan memandangkan capaian menggunakan kabel bumi (<i>land wired</i>) lebih stabil berbanding penggunaan wifi; • Pada 19 dan 20 Februari 2022, kajian liputan wifi dilaksanakan bersama pihak MAMPU dan mendapati kedudukan <i>partition</i> terlalu banyak sehingga menghalang sambungan wifi berfungsi dengan baik; • Hasil daripada kajian ini, permohonan dibuat kepada MAMPU untuk 4 access point (AP) tetapi BPTM hanya menerima 2 AP tambahan dan 2 AP lagi masih menunggu kelulusan MAMPU; dan 	BPTM BKew

Bil	Perkara	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> Pemasangan 2 AP dibuat di bilik mesyuarat TKSU(P)1 dan Bilik Mesyuarat TKSU(P)2 bagi mengurangkan masalah capaian internet di aras 2. <p>iv. Fasa tindakan jangka masa panjang</p> <ul style="list-style-type: none"> Memohon penggunaan peruntukan bajet Kementerian untuk tahun 2023 bagi perolehan <i>Network Monitoring System</i>, penyenggaraan <i>Active Directory</i> dan penambahan bilangan AP bagi meluaskan isyarat Wifi tanpa perlu bergantung kepada peruntukan MAMPU; <p>v. YBrs. SUB Kewangan memaklumkan kepada BPTM untuk membuat permohonan penggunaan peruntukan bajet tahun semasa tanpa perlu menunggu tahun hadapan. Kelulusan adalah tertakluk kepada penjimatan perbelanjaan Kementerian bagi memastikan isu rangkaian internet dan e-mel dapat diatasi dengan kadar segera; dan</p> <p>vi. Datuk Pengerusi memohon BPTM mengambil tindakan seperimana cadangan YBrs. SUB Kewangan memandangkan isu ini berpanjangan dan perlu diatasi secepat mungkin.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara (v) disusuli.</p>	
3.5	<p>Persekitaran Bekerja Kondusif dan Kesihatan</p> <p>BKP memaklumkan bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> Jawatankuasa EPSA telah ditubuhkan dan akan melaksanakan tindakan selanjutnya; Penukaran permaidani surau akan dilaksanakan selepas isu kebocoran syiling surau diatasi. Pemilihan jenis dan warna permaidani surau telah diserahkan kepada AJK Surau oleh <i>Facility Manager (FM)</i>, JKR; 	

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>BPSM memaklumkan bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> iii. Program <i>Team Building</i> Siri 1 berjaya dilaksanakan pada 29-31 Mac 2022 dan Siri 2 akan dilaksanakan pada bulan Julai 2022. YBhg Datuk Pengerusi memohon BPSM melibatkan Wakil Pekerja untuk Siri 2 memandangkan cadangan program ini datangnya daripada Wakil Pekerja; iv. Sesi townhall bersama Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) akan dilaksanakan pada bulan Julai; dan v. Setiap pertukaran pegawai secara dalaman akan mengambil kira isu kebajikan, psikologi, kesihatan pekerja dan keperluan setiap Bahagian sebelum mengambil sebarang tindakan pelaksanaan. <p>Mesyuarat BERSETUJU perkara (i) (iii) dan (v) selesai dan perkara (ii) dan (iv) terus disusuli.</p>	
3.6	<p>Pakaian Seragam</p> <p>BKP memaklumkan bahawa isu pakaian seragam:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Status terkini pelaksanaan pembekalan pakaian seragam adalah di peringkat penyediaan spesifikasi sebelum diiklankan kepada pembekal selama dua minggu dan dipelawa didalam sistem ePerolehan; ii. Pelaksanaan pembekalan pakaian seragam pada tahun ini dilaksanakan secara sebutharga memandangkan terdapat keperluan pembekalan tiga jenis pakaian seragam iaitu Hari Pekerja, Maulidur Rasul dan pakaian seragam kumpulan sokongan yang dibuat bersekali di dalam sebutharga yang sama; iii. YBrs. SUB Kewangan menjelaskan penggunaan sebutharga adalah lebih selamat untuk pelaksanaan pembekalan pakaian seragam bagi mengelakkan terdapat pecahan kecil di dalam perolehan; 	BKP dan BKew

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>iv. Pada mesyuarat yang lepas, YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa isu pakaian seragam hendaklah selesai pada April 2022. Persetujuan bersama semua ahli mesyuarat diminitkan pada mesyuarat lalu agar perkara ini dilaksanakan lebih awal agar tiada lagi isu kelewatan; dan</p> <p>v. YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan agar semakan dibuat semula oleh BKP dan BKew untuk perolehan pembekalan pakaian seragam diutamakan dan sekiranya boleh dibuat secara berasingan. Pekara ini perlu disegearkan seperitimana dipersetujui pada mesyuarat lepas;</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
3.7	<p>Keselamatan dan Lain-lain</p> <p>i. Mesyuarat dimaklumkan bahawa perolehan CCTV akan dikaji semua untuk mengenalpasti keperluan diletakkan di tempat lain seperti stor pusat bagi mengelakkan kecurian; dan</p> <p>ii. BKP akan cuba memastikan kafeteria dan kedai runcit kafeteria menggunakan sistem pembayaran secara <i>cashless</i> seperti TekunMart dan Hotdog 1901 di Aras 1.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKP
4.0	PEMBENTANGAN USUL / ISU-ISU BAHARU OLEH NAIB PENGERUSI WAKIL PEKERJA	
4.1	<p>Penubuhan unit khas/ <i>task force</i> sementara di bawah pemantauan Kementerian untuk memacu program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) sepanjang tahun 2022</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan:</p> <p>i. Penubuhan unit khas/ <i>task force</i> sementara untuk menguruskan program nasional JAKM sepanjang tahun 2022. Ini adalah berikutan bebanan tugas yang berlebihan termasuk kerja hakiki menyebabkan pegawai hilang fokus dan tidak dapat menghasilkan output produktiviti tinggi;</p>	BPSM

Bil	Perkara	Tindakan
	<ul style="list-style-type: none"> ii. Cadangan penubuhan <i>task force</i> sementara ini mengambil kira pengurusan tiaan program, penyelarasan dan pelaksanaan di peringkat Kementerian menjadi teratur dan lebih lancar berikutan pegawai yang ditempatkan di Unit /Taskforce ini semakin berpengalaman dalam mengendali JAKM bagi setiap sesi; iii. Penubuhan <i>Task Force</i> ini juga memudahkan urusan dokumentasi, urusan pengurusan dan perantara di antara Kementerian dan Unit SEPADU, JPM, rekod fail, pengauditan dan perolehan JAKM keseluruhan dan memudahkan rujukan di peringkat akan datang; dan iv. Walau bagaimanapun, BPSM memaklumkan cadangan ini tidak boleh dibincangkan di dalam MBJ berikutan perkara ini menyentuh dasar Kementerian dan bukan mengenai kebijakan pekerja. <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	
4.2	<p>Mewujudkan bilik sukan dan rekreasi di bawah seliaan Kelab Sukan dan Kebajikan KUSKOP.</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat keperluan menyediakan satu bilik riadah khusus untuk pekerja merehatkan minda, mencari ketenangan dan melepaskan tekanan kerja pada waktu rehat tengah hari dan selepas waktu bekerja petang. Sebagai permulaan, penyediaan peralatan sukan <i>indoor</i> boleh disediakan seperti seperti meja billiard, karom, <i>darts</i> dan <i>board game</i>; <p>Contoh kementerian: KBS yang mempunyai gim untuk kegunaan pekerja dan orang ramai dan bilik kugiran, bilik terapi psikologi khas untuk warga kerja sahaja. KPM mempunyai bilik karaoke dan bilik riadah <i>indoor games</i>;</p> ii. Ini merupakan satu amalan sihat untuk membantu warga KUSKOP melepaskan tekanan kerja dan menceriakan kesihatan mental. Ia juga dilihat dapat membudayakan 	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>semangat bersukan di bilik/ ruang yang bersesuaian dengan peralatan sukan yang mencukupi;</p> <p>iii. BKP memaklumkan terdapat kekangan ruang memandangkan BBA KASA masih belum berpindah. Perkara ini akan diberikan keutamaan untuk dilaksanakan apabila BBA KASA berpindah keluar daripada bangunan Parcel E 4/5; dan</p> <p>iv. YBhg. Datuk Pengurus mencadangkan penglibatan Kelab Sukan dan Kebajikan KUSKOP untuk pengurusan bilik riadah dan sumbangan alatan sukan daripada setiap agensi untuk kegunaan warga KUSKOP.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini disusuli.</p>	
4.3	<p>Subsidi pembelian baju korporat untuk kali pertama kepada pegawai gred 54 ke bawah dan subsidi berterusan pembelian kali kedua dan seterusnya untuk skim pelaksana 1 dan 2</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pemberian subsidi pembelian baju korporat KUSKOP. Pemakaian baju korporat KUSKOP membantu memberi promosi kepada orang ramai mengenai imej Kementerian, semangat bersatu padu dan kekitaan dalam kalangan warga kerja KSUKOP; ii. Subsidi ini perlu memandangkan kos bagi pembelian baju korporat adalah membebarkan dan KUSKOP masih belum pernah memberikan subsidi pembelian baju Korporat daripada tahun 2019; iii. Bagi membolehkan pemberian subsidi dibawah Kelab Sukan dan Kebajikan KUSKOP dan Koperasi KUSKOP kepada pegawai-pegawai, semua pegawai KUSKOP diwajibkan menjadi ahli kepada salah satu daripadanya <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini disusuli.</p>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
4.4	<p>Membekalkan Kit Ujian Kendiri Covid-19 kepada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembekalan kit ujian kendiri Covid19 kepada PKK berikutan PKK banyak terlibat dengan lawatan dan siasatan diluar kawasan diseluruh Negeri. Pemberian kit ini akan membantu pegawai yang bertugas; ii. Pembekalan ini membantu memastikan tiada penularan berpunca daripada pegawai yang membuat lawatan dan siasatan premis bagi permohonan Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Syarikat Taraf Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); dan iii. YBrs. SUB Kewangan memohon PKK membuat permohonan kepada BKew untuk menggunakan peruntukan sedia ada di bawah PKK bagi tujuan pembelian kit. Kit ini akan hanya dibekalkan kepada pegawai PKK yang ditugaskan keluar. <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	PKK dan BKew
4.5	<p>Membekalkan lebih banyak Kit Ujian Kendiri Covid-19 di BKP, KUSKOP.</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat keperluan penambahan pembekalan kit ujian kendiri Covid-19 untuk kegunaan warga Kementerian yang terlibat dalam pelbagai aktiviti rasmi seperti sesi Parlimen, bertugas di karnival, lawatan tapak program dan lain-lain lagi. Ini bagi mengelak dan membantu pengurangan penularan virus Covid-19 di KUSKOP keseluruhan; ii. BKP memaklumkan bahawa bekalan kit ujian kendiri Covid 19 sedia ada adalah mencukupi untuk keperluan pegawai yang menjalankan tugas rasmi. Kit ini selalu digunakan oleh pemandu di bawah seliaan BKP berikutan risiko tugas pemandu adalah sangat tinggi untuk terdedah kepada 	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>jangkitan Covid 19. BKP juga sentiasa membuat penambahan bilangan stok kit untuk kegunaan pegawai-pegawai KUSKOP yang akan bertugas di luar pejabat;</p> <p>iii. YBhg. Datuk Pengurus menyambut baik cadangan ini untuk diperluaskan pemberian kit kepada pegawai-pegawai KUSKOP yang menghadiri tugas luar pejabat bagi membantu mengurangkan jangkitan dan membendung penularan jangkitan ke pejabat selepas tamat tugas luar; dan</p> <p>iv. BKP akan mengambil tindakan lanjut untuk perolehan penambahan bekalan bilangan stok kit ujian kendiri Covid-19 di KUSKOP.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	
4.6	<p>Menyediakan ruang bekerja dengan perabot / keperluan yang sama bagi bilik pegawai mengikut Gred.</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan:</p> <p>i. Perabot mengikut kelayakan pegawai tidak mencukupi apabila rombakan bilik-bilik pegawai dilaksanakan pada bulan Disember 2021 setelah KASA berpindah keluar. Terdapat perabot yang rosak dan tidak mengikut kelayakan diberikan kepada para pegawai dan ini menjelaskan keadaan kondusif bekerja berikutnya kebanyakannya perbincangan dilakukan secara dalaman di bilik pegawai penyelia;</p> <p>ii. BKP dimohon mempertimbangkan pelaksanaan perolehan pembelian perabot baharu mengikut Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP2.1 Peraturan dan Had Harga Perabot/ Kelengkapan Bagi Pejabat Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk senarai aset sedia ada/ yang masih boleh digunakan dan jika ada keperluan penambahan aset;</p>	BKP


Bil	Perkara	Tindakan
	<p>iii. BKP memaklumkan bahawa setiap bahagian mempunyai wakil pentadbiran dan boleh membuat permohonan kepada BKP untuk semakan status dan keperluan di setiap bahagian; dan</p> <p>iv. YBhg. Datuk Pengerusi memohon pihak BKP melihat semula senarai aset dan perabot mengikut keperluan dan kelayakan pegawai di Kementerian.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	
4.7	<p>Petugas Pembersihan Pejabat</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat isu petugas pembersihan kurang mesra semasa bekerja, bilik pegawai tidak dibersihkan secara keseluruhan dan jarang vakum; ii. BKP dimohon untuk membuat hebahan jadual pembersihan yang sepatutnya dilakukan oleh kontraktor pembersihan seperti kekerapan mengutip sampah dan pertukaran plastik sampah, jadual vakum pejabat setiap aras dan jadual pembersihan bilik mesyuarat; iii. Kontraktor pembersihan juga dimohon untuk: <ul style="list-style-type: none"> • membuat pembersihan menyeluruh setiap bilik pegawai (sanitasi) seminggu sekali; • setelah pembersihan aras dilaksanakan sepenuhnya, tandatangan wakil pegawai aras diperlukan untuk melengkapkan borang pembersihan aras; dan • tempat aduan sekiranya ketidakpatuhan berlaku; iv. YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP mengambil tindakan sewajarnya bagi meningkatkan taraf kebersihan bangunan pejabat KUSKOP secara keseluruhan. <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
5.0	PENUTUP	
	Mesyuarat MBJ Bilangan 1 Tahun 2022 ditangguhkan pada jam 4.00 petang dan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.	


Disediakan oleh:


 Mohd Shafiq bin Bakar
 Setiausaha Bersama MBJ (Pegawai)
 13 April 2022


Disediakan oleh:


 Muhammad Akram bin Kamaruddin
 Setiausaha Bersama (Pekerja)
 18 April 2022

Disemak oleh:


 Nor Haslinda binti Salihin
 Naib Pengerusi (Pekerja)
 20 April 2022

Disahkan oleh:


 Datuk Haji Zamri bin Salleh
 Pengerusi MBJ MEDAC
 21 April 2022

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN

WAKIL PIHAK PENGURUSAN MEDAC

1. YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh
TKSU (P) - Pengerusi
2. Encik Noor Azman bin Muhammad Noor
SUBK Sektor Pengurusan
3. Encik Saifuzzaman bin Abdul Manan
SUB Pemerkasaan dan Pemantauan Keusahawanan
4. Encik Ismail bin Mohamed Yusof
SUB Pengurusan Sumber Manusia
5. Encik Aidi Azli bin Wahit
SUB Kewangan dan Pembangunan
6. Encik Sharhan Shokery
SUB Khidmat Pengurusan
7. Encik Norizam Bin Idris
KPSU Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
8. Puan Norfadila binti M. Sapuan
KPSU Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
9. Encik Ahmad Suffian bin Osman
Ketua Seksyen Pembangunan Kompetensi PKK
10. Encik Muhammad Zarif bin Azman
PSU Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
11. Encik Mohd Shafiq bin Bakar
PPT Bahagian Pengurusan Sumber Manusia - Setiausaha Pegawai

WAKIL PIHAK PEKERJA

12. Puan Nor Haslinda binti Salihin - Naib Pengurus
KPSU Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan
13. Encik Atek Anak Adis
Penolong Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor Ibu Pejabat
14. Encik Mohd Azlan bin Jaafar
PSU Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
15. Encik Muhammad Akram bin Kamaruddin - Setiausaha Pekerja
PPT Bahagian Kewangan dan Pembangunan
16. Puan Wan Nur Shahirah binti Zanol Aabidin
PT Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
17. Puan Maizura binti Yaacob @ Mat Zain
PT Bahagian Khidmat Pengurusan
18. Encik Azizi bin Embee
PO Bahagian Khidmat Pengurusan
19. Encik Khusyairi bin Yunus
PO Pejabat Timbalan Menteri
20. Encik Yazid bin Hassan
PO Pusat Khidmat Kontraktor Ibu Pejabat
21. Encik Shamsul Bahri bin Sinan
PO Pusat Khidmat Kontraktor PKK Pejabat

TIDAK HADIR

22. Encik Mohd Yunus bin Minim
KPSU Bahagian Business Licensing Electronic Support System
23. Sr. Siti Illyani binti Ruslan
Ketua Sekyen Pusat Khidmat Kontraktor Ibu Pejabat
24. Puan Nor Hafiza binti Mat Tahir
PSU Bahagian Business Licensing Electronic Support System (BLESS)
25. Encik Mohd Hafiz bin Abu Bakar

PPT Pusat Khidmat Kontraktor Ibu Pejabat

26. Puan Lydia Janial Radius
PPT Pusat Khidmat Kontraktor Ibu Pejabat

27. Puan Muniratul Ain binti Johari
PT Pusat Khidmat Kontraktor Ibu Pejabat

28. Encik Izmil bin Ali
PT Pusat Khidmat Kontraktor Ibu Pejabat

URUSETIA

29. Encik Amir Izham bin Alias
PT (BPSM)